

PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL

SOALAN LAZIM

PROGRAM VIRTUAL MINI JOB HUNT FOR PTPTN BORROWERS

1. Soalan :

Apakah objektif kerjasama dan program ini dilaksanakan ?

Jawapan :

Objektif kerjasama yang dijalankan ini adalah untuk membantu peminjam PTPTN yang telah bergraduat tetapi masih belum mendapat pekerjaan dan sekaligus dapat membayar balik pinjaman PTPTN.

Program *Virtual Mini Job Hunt For PTPTN Borrowers* merupakan aktiviti pertama hasil kerjasama di antara PTPTN dengan PERKESO. Pelbagai aktiviti disediakan untuk peminjam PTPTN yang dilakukan secara *virtual/ online*.

2. Soalan :

Bilakah program ini akan diadakan?

Jawapan :

Program ini akan berlangsung seperti berikut:

Program Virtual Mini Job Hunt For PTPTN Borrowers

Tarikh Program	30 Jun 2020 (Selasa) sehingga 03 Julai 2020 (Jumaat)
Masa	9.30 pagi – 4.30 petang
Tempat	(<i>virtual/online</i>) Cisco Webex Apps dengan calon-calon yang merupakan peminjam PTPTN.
Kandungan Program	<p><u>Sesi Webinar Career Talk</u></p> <p>Tarikh : 30 Jun 2020 (Selasa) – 1 Julai 2020 (Rabu) Masa : 9.30 pagi – 4.30 petang Tempat : Virtual / Online Agenda : 3 modul setiap hari akan disediakan secara dual language. Modul yang telah ditetapkan adalah <i>motivator, online personality, english communication</i>, sesi bersama Bank Negara Malaysia (BNM), Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK) dan majikan. E-sijil akan diberikan.</p>

	<p><u>Sesi Temuduga</u></p> <p>Tarikh : 2 Julai 2020 (Khamis) – 3 Julai 2020 (Jumaat) Masa : 9.30 pagi – 4.30 petang Tempat : Virtual / Online</p> <p>Agenda : 20 majikan yang akan menyertai program ini dengan menawarkan 3,000 tawaran pekerjaan kepada para peminjam. Kaedah <i>online</i> menggunakan Cisco Webex Apps dan setiap calon yang layak akan diberikan link untuk masuk ke ruang lobi temuduga.</p>
--	-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

3. Soalan :

Siapakah yang layak untuk menyertai program ini?

Jawapan :

Hanya peminjam PTPTN yang telah bergraduat sahaja yang layak untuk menyertai program ini.

4. Soalan :

Apakah syarat-syarat lain yang dikenakan untuk menyertai program ini selain daripada syarat hanya peminjam PTPTN?

Jawapan :

Tiada sebarang syarat dikenakan.

5. Soalan :

Saya telah mempunyai pekerjaan. Walau bagaimanapun pekerjaan saya tidak mengikut kelulusan. Bolehkah saya mendaftar dan diberi peluang temuduga ?

Jawapan:

Boleh, namun peluang untuk temuduga tertakluk kepada kesesuaian dan jawatan yang ada.

6. Soalan :

Bagaimanakah cara untuk mendaftar bagi menyertai program ini?

Jawapan:

Pendaftaran boleh dibuat melalui <https://careerfair.perkeso.gov.my>. Sistem akan membuat padanan bagi mengesahkan hanya peminjam PTPTN sahaja yang boleh mendaftar dan akan diberikan *link* temuduga menggunakan aplikasi Cisco Webex.

7. **Soalan :**
Bilakah peminjam PTPTN boleh mula mendaftar?

Jawapan :
Pendaftaran boleh dibuat mulai 25 Jun 2020 (Khamis) sehingga sebelum jam 1.00 petang pada 30 Jun 2020 (Selasa)

8. **Soalan :**
Sekiranya ada isu teknikal semasa mendaftar, siapakah yang saya boleh hubungi?

Jawapan :
Sebarang masalah teknikal semasa mendaftar bagi menyertai program ini, peserta boleh menghubungi pegawai PERKESO seperti berikut:

- a) Encik Neil – 019 249 2606
- b) Encik Dianhazri – 017 339 8583
- c) Encik Azman – 019 658 5507

9. **Soalan :**
Adakah yuran penyertaan dikenakan kepada peserta program?

Jawapan :
Tiada sebarang yuran dikenakan.

10. **Soalan :**
Adakah semua peserta program akan dijamin mendapat pekerjaan yang ditawarkan ini?

Jawapan :
Tiada jaminan untuk mendapat pekerjaan kerana ia tertakluk kepada keperluan/ syarat yang diperlukan oleh majikan dan prestasi peserta semasa temuduga.

11. **Soalan :**
Sekiranya saya berjaya mendapatkan pekerjaan melalui program ini, adakah saya terikat dengan sebarang kontrak kerja dengan PTPTN atau PERKESO?

Jawapan :
Peserta yang berjaya mendapat pekerjaan melalui program ini, hanya akan terikat dengan kontrak kerja antara peserta dengan bakal majikan sahaja dan tidak melibatkan PTPTN atau PERKESO.

12. Soalan :

Adakah gaji pertama saya akan ditolak secara automatik untuk membayar balik pinjaman PTPTN saya?

Jawapan :

Tidak. Sekiranya peminjam ingin membuat bayaran balik secara potongan gaji, permohonan boleh dibuat secara *online* melalui laman web PTPTN di www.ptptn.gov.my. Walau bagaimanapun, sekiranya majikan tidak menyediakan perkhidmatan potongan gaji, peminjam boleh membuat bayaran balik menggunakan saluran lain yang disediakan. Maklumat boleh diperolehi di portal rasmi PTPTN.

13. Soalan :

Sekiranya saya terlepas peluang ini, bolehkan saya mengemukakan rayuan kepada PTPTN atau PERKESO?

Jawapan :

Tiada sebarang rayuan kerana ini adalah program khas. Walau bagaimanapun, peminjam PTPTN dan orang ramai boleh mendaftar untuk mendapatkan pekerjaan menerusi perkhidmatan yang ditawarkan oleh PERKESO dengan melayari www.myfuturejobs.gov.my.